

SOALAN NO. 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL
RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2016

SOALAN :

**YB Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) jumlah penjawat awam diseluruh negara yang telah berjaya memiliki rumah melalui Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M); dan
- (b) perancangan KPKT untuk memperluaskan PPA1M ke kawasan selain daripada bandar-bandar utama kerana peningkatan nilai hartanah bukan sahaja tertumpu pada kawasan bandar-bandar utama sahaja.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Oktober 2016, sebanyak 13,185 pemohon telah menerima tawaran yang dikemukakan melalui Inisiatif Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia yang bermula pada 2013.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek-projek di bawah PPA1M adalah projek yang ditadbir urus di bawah JPM . Sehingga 31 Oktober 2016, sebanyak 66 buah projek telah diiklankan melibatkan 32,493 unit rumah untuk penjawat awam. Daripada jumlah tersebut, 13,250 unit adalah projek PPA1M di dalam Putrajaya dan selebihnya sebanyak 19,243 unit dari seluruh Malaysia selain daripada Putrajaya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH

TARIKH : 8.11.2016

SOALAN : NO. 28

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan pihak Kerajaan bagi membantu murid-murid kurang mampu dan miskin bagi memastikan peluang pendidikan mereka tidak terus tergendala dan gagal menyambung pengajian tinggi mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap pelajar di Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan tanpa mengira kedudukan geografi, jantina atau latar belakang sosial bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat perihatin dalam membantu pelajar miskin mendapatkan peluang pendidikan terbaik di negara ini.

Untuk Pelajar yang kurang berkemampuan dan miskin peluang lebih tinggi untuk mendapatkan biasiswa yang disediakan oleh pelbagai kementerian dan agensi. Kerajaan negeri juga menyediakan bantuan kewangan untuk pendidikan melalui Baitumal. Bantuan kewangan untuk yuran dan sara hidup juga boleh didapati daripada PTPTN jika memenuhi syarat minima yang ditetapkan.

KPT menyediakan 18 program penajaan biasiswa dan bantuan kewangan di peringkat sijil sehingga pasca kedoktoran. Penajaan yang disediakan adalah untuk warga negara Malaysia dan pelajar antarabangsa. Pemberian biasiswa dan bantuan kewangan ini mengambil kira faktor kelayakan yang mana Kerajaan sentiasa memastikan pemberian biasiswa di peringkat pendidikan tinggi ini diberikan kepada pelajar-pelajar yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kriteria ditetapkan

seperti merit akademik, ko-kurikulum dan latar belakang sosioekonomi keluarga pemohon. Langkah ini diperaktikkan bagi memastikan keadilan bagi semua kumpulan sasaran yang berkelayakan dan pembangunan modal insan yang seimbang di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar daripada golongan kurang berkemampuan dan miskin yang memenuhi syarat kelayakan kemasukan juga diberi peluang untuk menyambung pengajian di politeknik melalui tindakan-tindakan berikut:

- (a) memberi laluan kemasukan terus tanpa melalui syarat meritokrasi kepada calon pelajar daripada keluarga isi rumah berpendapatan 40 peratus ke bawah (golongan B40);
- (b) mengenakan kadar yuran yang rendah iaitu hanya sebanyak RM200 bagi satu semester;
- (c) memberi kemudahan pinjaman pembiayaan semasa pengajian daripada Tabung Pendidikan Tinggi Negara; dan
- (d) memberi kemudahan biasiswa dan tajaan daripada beberapa agensi awam dan swasta seperti majlis dan lembaga zakat negeri-negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam, yayasan-yayasan negeri dan pihak swasta, MARA dan Kerajaan Negeri.

Selain itu, Kolej Komuniti menawarkan pelbagai bentuk bantuan bagi membantu golongan berkenaan seperti Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti, Elaun Wang Saku, Bantuan Kewangan OKU, Program Pendidikan Khas dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Bantuan yang diberikan ini dapat membasmi kecinciran pelajar miskin lepasan menengah dari terus tergendala dan gagal menyambung pengajian tinggi mereka ke kolej komuniti.

Ini merupakan usaha berterusan pihak Kerajaan yang sentiasa meluaskan peluang dan akses pengajian tinggi melalui penyediaan pembiayaan kepada semua peringkat pelajar yang berkelayakan.